

PASIR PUTEH. BACHOK

HUBUNGI SKUAD PASIR PUTEH NORHASRAM MOHAMAD - 019-9391098 / 015

Tembakau masih menghijau



Tanaman tembakau masih menjana pendapatan penduduk.



Norhasmida memeriksa daun tembakau hijau sebelum proses menjemur.



Daun yang dikeringkan sedia untuk dlmampatkan.

92 penanam masih teruskan tanaman tembakau di Bachok

NORHASRAM MOHAMAD

BACHOK

Walaupun kerajaan menghentikan penanaman tembakau 19 tahun lalu, sebahagian penanam asal di Bachok tidak 'menutup buku', mereka meneruskannya sehingga ke hari ini.

Daripada 26 penanam membabitkan kawasan seluas 30 hektar tahun 2014, ia meningkat kepada 92 penanam tahun lepas dengan keluasan 135 hektar.

Dengan pengeluaran kira-kira 99,405 kilogram tembakau bernilai RM1.9 juta tahun lepas, ia dilihat sebagai projek pertanian paling ekonomik di kawasan tanah beris di Bachok.

Terdapat beberapa pengilang yang membeli daun tembakau penduduk dan menjualnya terus kepada syarikat.

Pengilang di Pantai Dامت, Ibrahim Tobbaco mendapatkan bekalan daun tembakau daripada 20 penanam untuk menghasilkan daun kering dan



Pekerja Ibrahim Tobbaco membuang tulang belakang daun tembakau.



NORHASMIDA



JALI

daun proses.

Pengurusnya, Norhasmida Ibrahim berkata, daun tembakau hijau dibeli dengan harga dari RM0.80 sehingga RM1.20 sekilogram.

Katanya, syarikatnya menyediakan pinjaman kepada penanam yang tidak mempunyai modal

permulaan.

"Kos setiap 0.46 hektar yang mengandungi 6,000 pokok kira-kira RM1,000, sekurang-kurangnya setiap pokok menjana pulangan RM1.

"Ini bermakna tembakau hijau menjana pendapatan lebih lumayan berbanding tanaman lain,"

katanya.

Menurut Norhasmida, kilangnya memberi peluang kerja kepada sembilan penduduk untuk kerja-kerja membuang tulang belakang daun, menyusun, menjemur, memesin dan membungkus.

Risiko gulung tikar

SEMENTARA itu, seorang pengusaha, J Nor, 64, berkata, dia menanam 10,000 pokok bakau *virginia* yang mana hasilnya dijual syarikat pengeluar produk shisha di Lembah

Katanya, dia dibantu beberapa pekerja (menyusun) dan mengawet daun tembakau gaimana dilakukannya sejak 70-an lagi.

"Apa yang menjadi masalah sekarang kos pembajakan, baja dan racun sangat tinggi menyebabkan pengusaha kecil berisiko gulung tikar," katanya.

Jali berkata, konsep Penanam Pengawet (PPI) yang diperkenalkan Lembaga Terengganu (LTKT) dan Lembaga Kemajuan Tanah (LAKAT) mula dengan Lembaga Kenaf dan Tembaga (LKTN) untuk terus membantu penanam.

"Apabila kerajaan membantu, penduduk modal boleh mengusahakannya. Penanam memerlukan subsidi dan tidak mahu menjadi orang tengah.

"Beza menanam tembakau ni, dulu ada sekarang tiada. Tiada bantuan lagi jika terkena musnah akibat bencana alam," katanya.



Jali menanam 10,000 pokok tembakau di Bachok.